MEMACU PRINSIP PEMANDUAN PROFESIONAL

JILID 3 | JUL - SEPT 2014

SPANCO

prihatin

BERITA SPANCO

sentiasa bersama mu

08

KE ARAH MEMPERTINGKATKAN TAHAP KERJA YANG LEBIH EFISIEN

ISSN 1675-1361

9 771675 136103

PP 10548/08/2012(030458)

06

10 KESALAHAN SERIUS DALAM PENYENGGARAAN KERETA: SIRI KEDUA

16

TEKNOLOGI BUKTI KEPADA GAYA MASA HADAPAN

18

CABAR DIRI ANDA DENGAN 5 SUKAN EKSTREM

prihatin

sentiasa bersama mu

jilid 3 | Jul - Sept 2014

MENARIK KELUARAN INI

PENAUNG
Dato' Hamzah Mohd Salleh

SIDANG PENGARANG
Peter Lim
Shaheeran Jalalludin
Nazrulniza Ahmad Naseri
Rusman Bassri

PENERBIT
SPANCO Sdn Bhd *(172957-U)*
No. 2, Jalan Perusahaan 2
Kawasan Perusahaan Batu Caves
68100 Batu Caves.
Tel 03-6192 8888
Faks 03-6192 8999
emel *prihatin@spanco.com.my*
web *www.spanco.com.my*
Talian bebas tol 1-800-88-6999

PENCETAK
Miracle Offset Print Sdn Bhd
No. 15, Jalan PBS 14/3
Taman Perindustrian
Bukit Serdang
43300 Seri Kembangan.
Tel 03-8941 4013
Faks 03-8941 4014

PERUNDING PENERBITAN
Executive Mode Sdn Bhd *(317453-P)*

SEKILAS MINDA
03 Lebarkan Sayap Ke Persada Kecemerlangan

KATA MEREKA
04 YBhg Dato' Zubaidah Md. Ismail Tidak Gentar Bersaing Dalam Memartabatkan Golongan Wanita Dalam Pucuk Pimpinan Di PDRM

SERVIS ITU PENTING!
06 10 Kesalahan Serius Dalam Penyenggaraan Kereta: Siri Kedua

YANG PERLU ANDA TAHU
08 Kearah Mempertingkatkan Tahap Kerja Yang Lebih Efisien

10 Penggunaan Kunci Proton Prevé 1.6 (A)

PERSADA INOVASI
12 10 Sistem Penggera Kereta Yang Mengagumkan

MERAKAM CATATAN
14 Kursus Pemanduan Berhemah Anjuran Jabatan Tenaga Kerja

14 Lawatan Sambil Belajar Pusat Latihan Pengurusan Logistik, TUDM Kinrara

15 Taklimat Pengurusan Kenderaan Dan Pemanduan Berhemah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

15 Penyerahan Kereta Rasmi Jawatan Kepada Pengarah Jabatan Integriti Dan Pematuhan Standard

15 Majlis Berbuka Puasa Bersama Cawangan Logistik Markas Tentera Darat Malaysia

INFORMASI SANTAI
16 Teknologi Bukti Kepada Gaya Masa Hadapan

LIBUR DESTINASI
18 Cabar Diri Anda Dengan 5 Sukan Ekstrem

BICARA SIHAT
20 Pemanasan Global Beri Impak Besar Pada Kesihatan

PILIHAN SERVIS ANDA
22 Perak Dan Pahang

23 Pelantikan Baru

Sila hantar komen, pandangan dan sumbangan karya anda kepada Sidang Pengarang seperti di alamat penerbit yang tertera di atas. Bahan penulisan hendaklah disertakan sekali dengan nama, alamat dan nombor telefon anda. Sidang Pengarang berhak melakukan penyuntingan sebelum karya diterbitkan.

LEBARKAN SAYAP KE PERSADA KECEMERLANGAN

LEMBARAN lalu satu iktibar, suku baru dibuka dengan baraan semangat. Berjaya melepasi dua suku tahun pertama yang mencabar adalah satu lagi kejayaan buat SPANCO.

Penghantaran Proton Perdana 2.0 baharu kepada pegawai-pegawai rasmi Kerajaan JUSA B menepati jadual dan mengikut perancangan. Malah, ianya hampir siap sepenuhnya dalam jangka masa terdekat. Syabas diucapkan kepada semua rakan sekerja yang bertungkus lumus memastikan program penggantian ini berjalan lancar dan menepati sasaran perancangan.

Dalam pada itu, kita masih terus menggarapkan kesedaran yang tinggi kepada pegawai-pegawai Kerajaan akan rasa tanggungjawab terhadap kenderaan fleet masing-masing khususnya mengenai penjagaan dan kes kecurian kereta. Kami amat berharap langkah-langkah pengawasan dapat diambil oleh setiap individu bagi mengurangkan kes kecurian ini.

Seterusnya mandat suku tahun kedua ini kita tumpukan untuk melaksanakan pengurusan serta penyenggaraan kenderaan fleet dengan cara yang paling berkesan dari segi kos dan masa tindak balas. Kita juga akan menganjurkan beberapa lagi seminar atau perbincangan dalam kumpulan kecil terutamanya untuk pegawai-pegawai kenderaan Kerajaan baharu bagi memberi kefahaman mengenai fleet dan juga langkah-langkah keselamatan semasa memandu.

Pelbagai agenda lain yang telah disusun juga akan difokuskan bagi memastikan jalinan hubungan dan kefahaman bersama pelanggan dapat dikekalkan serta gandingan ini akan terus utuh bersama SPANCO hari ini dan di masa hadapan.

NG WAI THONG
Pengawal Kewangan

SYABAS DIUCAPKAN KEPADA SEMUA RAKAN SEKERJA YANG BERTUNGKUS LUMUS MEMASTIKAN PROGRAM PENGGANTIAN INI BERJALAN LANCAR DAN MENEPATI SASARAN PERANCANGAN.

YBHG DATO' ZUBAIDAH MD. ISMAIL

TIDAK GENTAR BERSAING DALAM MEMARTABATKAN GOLONGAN WANITA DALAM PUCUK PIMPINAN DI PDRM

KERJAYA dalam pasukan polis bukanlah cita-cita asal beliau tetapi bagi YBhg S/DCP Dato' Zubaidah Md. Ismail, segalanya sudah tertulis. Walaupun memperoleh keputusan cemerlang dan berpeluang untuk melanjutkan pelajaran ke menara gading pada ketika itu, namun beliau bertekad untuk menyertai pasukan polis sebaik selepas tamat tingkatan enam.

"Pada masa itu, keluarga memang tidak bersetuju dengan keputusan saya. Namun naluri hati lebih ke arah memilih kerjaya sebagai anggota keselamatan. Mungkin sebab ketika itu, saya suka menonton rancangan yang memaparkan aksi-aksi polis seperti 'Police Story' dan 'Police Woman' menjadikan hati saya lebih minat untuk berkhidmat kepada negara," ujar wanita pertama memegang jawatan tertinggi di PDRM ini.

Namun di sebalik bantahan keluarga, anak sulung dari empat orang adik beradik ini tetap dengan keputusan meneruskan temu duga dan kemudian berjaya menjalani latihan polis dengan cemerlang. Beliau kemudiannya ditugaskan ke bahagian siasatan jenayah di Sentul selama tiga tahun sebelum dipindahkan ke Bukit Aman. Selepas itu beliau berkhidmat di bahagian teknologi maklumat dan bermula tahun 2006, beliau berkhidmat sebagai Timbalan Pengarah di Jabatan Logistik PDRM.

Satu demi satu tangga didakinya sehinggalah beliau diberi kepercayaan oleh pucuk pimpinan tertinggi PDRM untuk menjawat jawatan sebagai Pengarah Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) yang pertama dengan dinaikkan ke pangkat Senior Deputi Komisioner Polis. Pelantikan beliau sebagai Pengarah JIPS di kalangan pegawai kanan PDRM wanita merupakan satu lembaran sejarah baru kepada PDRM.

"Ayah sering berkata, polis adalah satu kerjaya yang mulia dan beliaulah mentor yang paling banyak menyokong penglibatan saya dalam PDRM. Ayah seorang yang berjiwa patriotik dan sangat berbangga dengan pencapaian saya," ujar Dato' Zubaidah yang sangat rapat dengan ayahnya dan menganggap dirinya sebagai 'anak abah'.

Semestinya, tugas anggota polis memerlukan beliau banyak bergerak menggunakan kenderaan dan bercakap mengenai perkhidmatan fleet SPANCO, Dato' Zubaidah menyokong konsep pengurusan fleet secara 'outsourcing' seperti yang disediakan oleh SPANCO. Perkhidmatan SPANCO rata-rata memberi ketenangan fikiran kerana PDRM tidak perlu risau akan aspek penjagaan kereta yang disewa kerana ia akan diuruskan sepenuhnya oleh pihak SPANCO.

▲ *Senior Deputi Komisioner Polis YBhg Dato' Zubaidah Md. Ismail, Pengarah Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard Polis Diraja Malaysia.*

"Umpama membeli perlindungan insurans yang mana premium perlu dibayar setiap bulan tetapi kita yakin kita akan dilindungi dari bermacam musibah dan risiko. Selama menggunakan kenderaan rasmi SPANCO sejak 2004 bermula dengan Proton Waja, Perdana, Inspira dan baru-baru ini Proton Perdana 2.0 baharu, semuanya alhamdulillah. Servis yang sangat bagus dan cepat terutama apabila berlaku kecemasan seperti kehabisan kuasa bateri dan tayar pancit.

"Pernah beberapa tahun dulu semasa melakukan tugasan luar di utara tanah air, kereta rasmi saya mengalami kerosakan dan pasukan bantuan SPANCO datang dengan segera. Selepas diperiksa, kereta saya terus ditunda ke pusat servis. Sementara menunggu ia dibaiki, sebuah kereta ganti disediakan untuk saya. Perkhidmatan mereka sememangnya sangat bagus," tegas beliau yang mempunyai Sarjana Pengurusan Keselamatan dan Teknologi Maklumat.

Menurut Dato' Zubaidah lagi, PDRM merupakan pelanggan terbesar SPANCO dengan lebih 3,500 unit, kesemuanya kenderaan saloon, disewa daripada SPANCO.

"Terdapat banyak lagi kenderaan lain yang dibeli secara terus dan diuruskan sendiri oleh pasukan kami. Saya akui, disebabkan kekangan peruntukan kewangan, kami sering menghadapi masalah alat ganti yang menyebabkan kebanyakan kereta tersadai di bengkel dan tidak dapat digunakan.

"Maka di sinilah SPANCO sebagai tenaga pakar memainkan peranan dalam mengawal selia fleet kami dengan sempurna. Tempoh pembaikan dapat diminimumkan sementara tahap siap siaga dioptimumkan. Ini amat penting kerana sebagai aset penting pasukan, kereta-kereta polis terutama kereta peronda dan kereta pegawai penyiasat perlu bersiap sedia 24 jam," jelas ibu kepada seorang putera ini lagi.

Justeru Dato' Zubaidah melahirkan harapan supaya PDRM dan SPANCO dapat meneruskan kerjasama terutama sekali bagi menggantikan kereta-kereta peronda polis yang lama. lanya bagi menjamin dan membantu pasukan polis menyediakan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat.

"Dari segi pengangkutan, keperluan PDRM agak unik berbanding jabatan-jabatan Kerajaan yang lain. PDRM memerlukan pelbagai jenis kenderaan bagi tujuan operasi seperti van, trak, kenderaan berkuasa tinggi dan pacuan empat roda. Saya berharap Kerajaan akan mempertimbangkan keperluan PDRM untuk menggunakan kereta berkuasa tinggi sebagai kereta peronda selain trak pacuan empat roda untuk kawasan pendalaman seperti di Sabah dan Sarawak," jelas wanita yang berasal dari Pulau Pinang ini.

Bercerita mengenai pengalaman beliau di dalam pasukan keselamatan, Dato' Zubaidah mengakui kerjaya yang didominasi oleh kaum lelaki ini sememangnya memberi seribu satu cabaran buat beliau. Malah, beliau mengakui kadangkala terpaksa bertindak seperti anggota polis lelaki dalam menjalankan tugas. Bagaimanapun beliau bersyukur kerana pasukan PDRM menghormati kaum wanita.

"Sebagai pemimpin wanita di dalam pasukan yang rata-ratanya terdiri daripada lelaki, perlu ada pengetahuan dan mesti tahu tugas kita sepenuhnya. Barulah kita akan dihormati sebagai pemimpin. Tanpa ilmu yang mencukupi, memang sukar untuk memimpin dan mereka yang dipimpin juga sukar untuk mengikut kita," ujarnya yang telah bersama pasukan polis yang disayangi hampir 40 tahun. Dikenali sebagai seorang yang jujur, memiliki kredibiliti yang tinggi selain tegas di dalam tugas serta menitikberatkan semangat kerja berpasukan, Dato' Zubaidah tidak pernah mengimpikan jawatan seperti yang disandangnya sekarang. Baginya segala tugas yang diamanahkan kepadanya akan dilaksanakan dengan terbaik.

"Saya amat berterima kasih kepada ketua-ketua saya yang telah mendidik dan memberi tunjuk ajar yang tidak ternilai, selain sokongan dan galakan untuk tampil ke depan, menjadikan saya lebih berani di dalam melaksana tugas yang diamanahkan. Saya juga bersyukur serta berterima kasih kepada Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar kerana telah memberi kepercayaan dan keyakinan kepada saya.

MAKA DI SINILAH SPANCO SEBAGAI TENAGA PAKAR MEMAINKAN PERANAN DALAM MENGAWAL SELIA FLEET KAMI DENGAN SEMPURNA. TEMPOH PEMBAIKAN DAPAT DIMINIMUMKAN SEMENTARA TAHAP SIAP SIAGA DIOPTIMUMKAN. INI AMAT PENTING KERANA SEBAGAI ASET PENTING PASUKAN, KERETA-KERETA POLIS TERUTAMA KERETA PERONDA DAN KERETA PEGAWAI PENYIASAT PERLU BERSIAP SEDIA 24 JAM.

"Ini merupakan satu amanah yang berat dan mencabar di mana saya perlu membuktikan yang saya mampu melaksanakannya. Apatah lagi JIPS merupakan sebuah jabatan yang baru ditubuhkan, sudah tentulah perlu disusun dan dibentuk supaya menjadi sebuah jabatan yang kuat lagi disegani. Tugas saya tertumpu kepada pengukuhan integriti warga PDRM di samping meningkatkan lagi imej pasukan. Ini mampu dicapai melalui pendidikan dan pemupukan kesedaran di kalangan warga PDRM," akhirinya.

10 KESALAHAN SERIUS DALAM PENYENGGARAAN KERETA

Siri Kedua

Sambungan dari siri pertama di Prihatin Jilid 2 (muka surat 6 & 7). Berikut adalah 5 lagi kesalahan serius dalam penyenggaraan kereta.

6 Lupa untuk mengetatkan nat tayar

Sekiranya anda menukar tayar, jangan lupa untuk memasang dan mengetatkan semula nat pada tayar. Guna-kan sepana atau 'wrench' dengan saiz yang sesuai. Anda boleh merujuk panduan yang terdapat di dalam buku manual kenderaan anda. Walaupun nampak mudah tetapi masih ramai yang tidak tahu cara-cara mengetatkan nat dengan betul. Pastikan nat tidak dipasang longgar ataupun terlalu ketat. Pemasangan yang longgar boleh mengakibatkan tayar tercabut manakala yang terlalu ketat pula boleh merosakkan nat.

7 Lupa untuk mengganti semula pelincir, bendalir atau cecair

Pelincir, bendalir mahupun cecair di dalam kereta mempunyai fungsi masing-masing. Minyak enjin contohnya, amat penting bagi pergerakan komponen enjin. Begitu juga dengan bendalir transmisi bagi komponen transmisi. Bendalir brek pula membantu mengekalkan tekanan yang betul dalam sistem brek. Manakala cecair penyejuk mengelakkan suhu enjin dari menjadi terlalu panas atau sejuk. Ketiadaan atau kekurangan mana-mana pelincir dan bendalir ini, boleh

6

9

8

10

mendatangkan masalah kepada kereta anda. Oleh itu, jika anda ingin menukar sendiri pelincir atau bendalir tersebut, pastikan anda mengisi semula selepas mengosongkannya. Periksalah beberapa kali supaya anda benar-benar pasti. Juga pastikan pelincir atau bendalir sentiasa berada di antara paras maksimum dan minimum pada batang pencelup atau tangki yang disediakan.

8 Lupa untuk mengetatkan penapis minyak enjin

Apabila menggantikan penapis minyak enjin, pastikan anda menggunakan saiz sepana yang betul untuk membuka dan memasangnya kembali. Ini mustahak kerana saiz yang salah tidak akan dapat memusing kemas penapis minyak enjin menjadikan kerja pemasangan sia-sia. Penapis minyak enjin juga tidak boleh di-pasang terlampau ketat kerana ini akan menyukarkan kerja penukaran yang berikutnya. Anda boleh mengetatkannya menggunakan tangan dan kemudian dengan sepana untuk setengah putaran terakhir. Pemasangan yang longgar akan menyebabkan kebocoran minyak enjin dan seterusnya kerosakan pada enjin.

9 Tidak mengendahkan lampu/ tanda amaran

Lampu atau tanda amaran pada 'dashboard' perlu diambil perhatian. Paling penting anda tahu apa maksud setiap lampu dan tanda amaran tersebut. Jika tidak pasti, lihat buku panduan. Jika anda boleh membaikinya sendiri, seperti tanda amaran mengatakan tayar kempis, lakukan sendiri. Jika tidak, berjumpalah dengan mekanik anda. Tidak mengendahkannya sama sekali boleh mengundang kecelakaan atau kerosakan pada kereta.

10 Tidak ambil serius peringatan daripada pengeluar kenderaan

Lazimnya pengilang kenderaan memanggil semula kenderaan mereka apabila terdapat masalah dikesan pada model itu. Ia mungkin serius melibatkan keselamatan seperti komponen brek atau tayar yang rosak, atau beg udara yang dikhuatiri gagal berfungsi jika berlaku kemalangan, mahupun kecacatan sistem gantungan yang boleh menyebabkan kenderaan terbabas. Atau mungkin membabitkan masalah kecil seperti suis tingkap, sistem pendawaian, kemasan dan sebagainya. Anda mungkin dihubungi melalui panggilan telefon, emel atau surat menyurat. Apa pun, notis ini tidak boleh diabaikan. Selain melaksanakan langkah pembetulan, syarikat pengeluar juga akan melakukan pemeriksaan yang rapi dan menyeluruh ke atas kenderaan anda.

SEMINAR PEGAWAI KENDERAAN KERAJAAN POLIS DIRAJA MALAYSIA 2014

KE ARAH MEMPERTINGKATKAN TAHAP KERJA YANG LEBIH EFISIEN

Pendaftaran peserta.

Peserta khusyuk mendengar taklimat yang disampaikan oleh penceramah.

Barisan tetamu kehormat yang hadir.

Dato' Azri memberi ucapan pembukaan.

BERTEMPAT di Hotel Flamingo, Ampang, satu Seminar Pegawai Kenderaan Kerajaan 2014 untuk Polis Diraja Malaysia telah diadakan pada 26 Ogos 2014 yang lalu. Persidangan yang dikhususkan untuk pegawai kenderaan Kerajaan ini merupakan siri kedua bagi tahun 2014, anjuran bersama Perbendaharaan Malaysia dan SPANCO.

Majlis yang dirasmikan oleh YBhg Dato' Noorrizan Shafie, Setiausaha Bahagian Pengurusan Aset Awam, Kementerian Kewangan Malaysia ini diadakan bertujuan memupuk kesedaran dan rasa tanggungjawab yang tinggi di kalangan pegawai kenderaan Kerajaan dalam memastikan setiap kenderaan Kerajaan termasuk kenderaan konsesi dijaga dan diuruskan dengan baik dan teratur.

Dato' Noorrizan di dalam ucapannya menyeru agar setiap pegawai kenderaan menjaga aset penting Kerajaan ini dengan baik dan rapi agar ianya dapat berfungsi dengan sempurna dalam melancarkan urusan kerja seharian Kementerian dan Jabatan.

"Sewajarnya setiap Kementerian dan Jabatan perlu memastikan penggunaan dan pengurusan kenderaan mematuhi peraturan yang ditetapkan serta memastikan kenderaan konsesi yang dibekalkan berada dalam keadaan baik dan sempurna. Kes-kes kemalangan, kecurian dan saman yang masih tinggi ini perlulah dibendung segera bagi mengelakkan kerugian kepada pihak Kerajaan dan boleh menjejaskan produktiviti serta kelancaran Kementerian dan Jabatan.

KES-KES KEMALANGAN, KECURIAN DAN SAMAN YANG MASIH TINGGI INI PERLULAH DIBENDUNG SEGERA BAGI MENGELAKKAN KERUGIAN KEPADA PIHAK KERAJAAN DAN BOLEH MENJEJASKAN PRODUKTIVITI SERTA KELANCARAN KEMENTERIAN DAN JABATAN.

Pemberian wang sumbangan kepada waris PDRM. Dari kiri: Encik Azman, Dato' Noorrizan, SAC Dato' Zulkapli Ahmad , Timbalan Pengarah (Kewangan/Pengurusan Aset/Kepolisan Am), Jabatan Logistik PDRM, waris dan SAC Dato' Azri Ahmad , Timbalan Pengarah (Perolehan/Pusat Bekalan/Persenjataan).

Dato' Noorrizan menyampaikan amanat Kementerian Kewangan Malaysia.

Barisan panel sesi soal jawab dan maklum balas.

"Masalah ini boleh dielakkan sekiranya pegawai kenderaan, pengguna dan pemandu kenderaan mematuhi sepenuhnya prosedur dan peraturan yang ditetapkan dan menanamkan sifat bertanggungjawab dan rasa kepunyaan terhadap kenderaan dan menggunakannya dengan berhemat serta cermat seperti menggunakan kenderaan sendiri. Kegagalan pegawai kenderaan memastikan kenderaan diselenggarakan secara berkala adalah satu kesalahan yang boleh dikenakan tindakan tatatertib," tegas beliau lagi.

Program sehari ini turut dihadiri oleh Ketua Pegawai Operasi SPANCO, Encik Azman Idris yang mana di dalam ucapannya, Encik Azman turut mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih beliau kepada Polis Diraja Malaysia di atas kepercayaan yang diberikan kepada SPANCO untuk membekal dan menguruskan lebih 3,500 unit kenderaan dan menjadikan jabatan itu sebagai pelanggan terbesar dari segi jumlah keseluruhan.

Selain menekankan aspek kesedaran terhadap tanggungjawab pengurusan kenderaan dan penerapan perasaan hak milik ke atas kenderaan yang telah dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan, Encik Azman turut membentangkan cabaran yang dihadapi oleh SPANCO terutamanya dalam menangani masalah-masalah seperti kecurian, kemalangan dan kesalahan trafik. Beliau menyarankan langkah-langkah pencegahan yang perlu diambil sekali gus memantau kaedah penggunaan kenderaan yang lebih sistematik dan selamat.

"Masalah-masalah ini amat membimbangkan jika tidak dibendung dengan segera. Ia bukan hanya merugikan SPANCO tetapi akan mengakibatkan kerugian kepada pengguna, Kementerian atau Jabatan dan Kerajaan. Kepincangan tugas, kehilangan tenaga kerja berpotensi kepada Kerajaan dan kehilangan anggota keluarga," tegasnya lagi.

Persidangan ini turut dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan dari Polis Diraja Malaysia, Kementerian Kewangan serta barisan panel-panel penceramah jemputan dari SPANCO.

Peserta seminar mengajukan soalan.

Tuan Shafie Shariff dari PDRM menyampaikan ucapan penutup.

PENGGUNAAN KUNCI
PROTON PREVÉ 1.6 (A)

SETIAP pemandu akan diberi dua set kunci.

FUNGSI KUNCI

1. Butang pertama berfungsi untuk mengunci kenderaan.
2. Butang kedua berfungsi untuk membuka kenderaan.
3. Butang ketiga berfungsi sebagai 'panic button' atau butang kecemasan.
4. Butang paling atas adalah untuk mengeluarkan anak kunci.

CARA MENGGUNAKAN KUNCI

- Tekan butang pertama dan kenderaan akan terkunci dengan sendirinya apabila cermin sisi terlipat ke dalam.
- Pintu akan dibuka apabila anda menekan butang kedua atau butang 'buka'.
- Apabila 'panic button' ditekan, kenderaan akan mengeluarkan isyarat bunyi. Ia digunakan apabila anda sukar mencari kereta di kawasan parkir atau untuk menarik perhatian dalam keadaan kecemasaan.



4 PENGGUNAAN ANAK KUNCI

1. Untuk membuka kunci secara manual iaitu dengan mengumpil tombol penutup pada pintu pemandu.
2. Untuk mengaktifkan perlindungan kanak-kanak. Hanya masukkan anak kunci ke dalam slot yang terdapat pada sisi pintu penumpang belakang dan putarkan mengikut arah jam bagi mengaktifkan perlindungan.
3. Untuk membuka ruang simpanan barangan.
4. Untuk mengaktif dan menyahaktifkan beg udara penumpang hadapan. Hanya masukkan kunci ke dalam slot yang tersedia pada bahagian kanan kotak simpanan dan putarkan seperti di dalam arahan bagi menghidup atau mematikan beg udara bahagian tersebut.

CARA MENGHIDUPKAN ENJIN

Sebelum menghidupkan enjin, pastikan gear berada pada P (Parking) atau N (Neutral). Enjin tidak dapat dihidupkan sekiranya gear berada pada R (Reverse), D (Drive) atau S (Shift).

1. Pastikan butang pada kunci menghadap ke atas.
2. Masukkan kunci ke dalam slot.
3. Tekan butang 'START' pada punat 'TEKAN MULA' untuk 'ON'.
4. Tekan padel brek.
5. Kemudian tekan butang 'START' sekali lagi untuk menghidupkan enjin.

a CARA MEMATIKAN ENJIN

Tekan butang 'START' sekali dan enjin akan mati secara automatik.

b CARA MENGELUARKAN KUNCI DARI SLOT

Tekan kunci sekali dan kunci akan terkeluar dari slot.

APABILA TERSALAH KUNCI

- Jika anda tersalah mengambil kunci, setiap butang tidak akan berfungsi dan pintu tidak akan terbuka.
- Jika kereta berada dalam keadaan tidak berkunci, tetapi anda cuba menghidupkan enjin dengan memasukkan kunci yang salah pada slot, enjin tidak akan dapat dihidupkan.
- Untuk memastikan kunci adalah betul atau tidak, periksa secara manual dengan cuba membuka ruang simpanan menggunakan anak kunci. Jika tidak boleh dibuka bermakna kunci tersebut bukan untuk kenderaan anda.
- Oleh itu, sentiasa pastikan anda mengambil kunci yang betul!

10 SISTEM PENGGERA KERETA YANG MENGAGUMKAN

PENINGKATAN kegiatan curi kenderaan pada era kini mendorong penciptaan pelbagai sistem keselamatan yang semakin canggih lagi berkesan bagi membanteras jenayah kecurian kereta.

Berikut dipaparkan 10 sistem penggera kereta dengan ciri-ciri keselamatan unik yang menyediakan perlindungan kepada kereta dan pemilik:

1. OnStar

Satu sistem keselamatan menggunakan jaringan selular digital yang membolehkan pelanggan menghubungi perkhidmatan 24 jam dengan hanya menekan butang dalam kereta mereka. Apabila berlaku kecurian, OnStar boleh menjejak kereta yang dilengkapi sistem ini melalui GPS selain mematikan enjin atau memperlahankan kereta. Dalam kes kemalangan, sensor beg udara dan lain-lain pengesan yang dibina pada peranti OnStar akan mengesan tahap kerosakan dan lokasi kereta. Pusat panggilan Onstar juga boleh membuka kunci dan membunyikan hon kereta sekiranya pelanggan tidak menjumpai kereta mereka di tempat letak kereta. Sistem OnStar ini juga mudah digunakan melalui aplikasi iPhone dan Android.

2. LoJack

Sistem LoJack menggunakan gelombang frekuensi radio bagi menjejak dan mendapatkan kembali kereta yang dilarikan. Justeru LoJack juga memiliki kelebihan di mana GPS gagal berfungsi. Melalui penggunaan nombor identiti kereta (VIN) yang unik, sistem ini akan diaktifkan sebaik sahaja kehilangan kereta dilapor dan didaftarkan ke dalam sistem komputer pihak keselamatan. LoJack juga memberi jaminan bahawa setiap kes kecurian kereta akan diselesaikan dalam tempoh 24 jam.

3. BMW Assist dan Security Plus

Maklumat yang tepat pada lokasi dan masa yang diperlukan! Itulah yang dilakukan oleh sistem keselamatan ini. *BMW Assist* membantu mengesan perlanggaran dan kecurian, dengan memanfaatkan sistem GPS dan komunikasi selular bagi membekal data penjejakan kereta. Manakala *Security Plus* pula adalah satu-satunya sistem perlindungan keselamatan kalis peluru untuk tingkap dan badan yang terdapat pada kenderaan komersial.

4. CarShield

Sesuai untuk kereta-kereta lama, CarShield berfungsi sama seperti OnStar dan BMW Assist. Mengintegrasikan sistem GPS, sebuah adapter kecil disambungkan pada sistem komputer kereta bagi mengakses maklumat kereta anda. Melalui emel dan sistem pesanan ringkas, ia akan memaklumkan anda jika kereta anda cuba dipecah masuk. Di samping itu, CarShield turut memantau hayat bateri, suhu kereta, paras minyak enjin dan sebagainya. CarShield merupakan finalis di '2010 Best Aftermarket Device Telematics Award'.

5. Commando FM-870

Sistem ini merupakan alat kelui yang dipertingkatkan. Ia juga membenarkan anda mengunci dan membuka kereta serta menghidupkan enjin dari jarak sejauh 2,500 kaki. Turut disertakan satu peranti kecil dengan paparan LCD yang memantau pintu dan tempat simpan barang selain hentaman kuat terhadap kenderaan anda. Penggera juga boleh diprogramkan supaya mengesan sebarang pencerobohan.

6. Viper 1002

Datang dengan dua unit alat kawalan jauh empat butang yang berfungsi menggunakan frekuensi radio pada jarak 1,320 kaki. Bergantung kepada tahap hentaman, sistem penggera enam nada akan mengeluarkan amaran dari bunyi yang perlahan sehinggalah ke yang

kuat. Viper 1002 turut melindungi kereta dengan mengunci enjin dan ia tidak akan dihidupkan sama sekali walaupun menggunakan kunci.

7. Cobra 8510

Cobra 8510 akan melumpuhkan pergerakan kereta dengan mematikan sistem pencucuhan enjin sekali gus menyukarkan pencuri menghidupkannya tanpa menggunakan kunci. Bermakna enjin hanya boleh dihidupkan apabila sistem penggera dimatikan. Turut dibekalkan dengan dua kunci khas yang boleh menyahaktifkan sistem ini.

8. CobraTrak 5

Alat ini bertindak berpandukan sistem pengenalan pemandu automatik atau ADR yang menghubungkan kereta anda kepada satu kad yang anda bawa. Jika kereta dialihkan tanpa kad berada di dalamnya, ADR akan dihidupkan dan serta-merta memaklumkan kepada pusat operasi Cobra. CobraTrak 5 juga boleh melumpuhkan enjin secara kawal jauh.

9. VINshield

Ia merupakan satu kit DIY yang membolehkan anda melakukan sendiri ukiran nombor VIN atau nombor pendaftaran pada cermin tingkap kereta anda. Kereta yang mempamerkan ukiran nombor VIN pada cermin agak sukar dijual di pasaran gelap menjadikan ia kurang menarik untuk dicuri. Lagi pula banyak kos perlu dibelanjakan untuk menukar kesemua cermin.

10. Nissan Vision 2015

Konsep yang diperkenalkan Nissan ini menggabungkan teknologi yang mampu menghalang pemandu mabuk dari memandu kereta. Menggunakan sensor pada kerusi pemandu dan tombol gear, ia boleh mengesan alkohol melalui bau peluh pemandu dan memberhentikan kenderaan serta-merta. Satu kamera akan mengawasi mata pemandu dan jika didapati pemandu berada dalam keadaan mabuk atau mengantuk, suara amaran akan mengejutkan pemandu dan mengetatkan tali pinggang keledar sebagai langkah pencegahan.

KURSUS PEMANDUAN BERKHEMAH ANJURAN JABATAN TENAGA KERJA *DI TASEK KENYIR, TERENGGANU DARI 15-18 OGOS 2014*

Seramai 16 kakitangan JBT Semenanjung Malaysia menyertai kursus empat hari itu.

Penyerahan cenderahati daripada wakil penyelaras kursus kepada Eksekutif Akaun, Mohd Affendy Abu Kassaim.

Penolong Pengurus Unit Kawalan Senggaraan dan Teknikal, Hebat Azali Mat Jalid menyampaikan taklimat Proton Prevé.

LAWATAN SAMBIL BELAJAR PUSAT LATIHAN PENGURUSAN LOGISTIK, TUDM KINRARA

KE PUSAT SERVIS WILAYAH SPANCO, BANGI PADA 30 JUN 2014

Kapt. Abu Bakar Mohd Atim menyerahkan cenderahati kepada Pengurus Cawangan Bangi, Tuan Haji Mohd Wazir Ahmad Kassim sebagai tanda penghargaan.

Pelatih-pelatih Kursus Pengurusan Operasi dari TUDM Kinrara bersiap sedia untuk menyaksikan persembahan slaid.

Tuan Haji Mohd Wazir menerangkan tentang operasi SPANCO.

Bergambar kenangan sebelum berangkat pulang.

TAKLIMAT PENGURUSAN KENDERAAN DAN PEMANDUAN BERHEMAH SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM *DI PUSAT SERVIS WILAYAH SPANCO, BANGI PADA 24 JUN 2014*

Seramai 30 orang kakitangan SPA dari Bahagian Operasi dan Pemandu hadir pada sesi taklimat.

Hebat Azali menunjukkan cara-cara penggunaan Proton Prevé.

PENYERAHAN KERETA RASMI JAWATAN KEPADA PENGARAH JABATAN INTEGRITI DAN PEMATUHAN STANDARD *DI BUKIT AMAN PADA 7 OGOS 2014*

YBhg S/DCP Dato' Zubaidah Md. Ismail menerima kunci Proton Perdana baharu daripada Ketua Pegawai Operasi, En. Azman Idris.

Dato' Zubaidah memeriksa kenderaan yang baru diterima beliau sambil ditemani En. Azman.

Pegawai-pegawai PDRM dan SPANCO bergambar di hadapan Ibu Pejabat PDRM Bukit Aman.

MAJLIS BERBUKA PUASA BERSAMA CAWANGAN LOGISTIK MARKAS TENTERA DARAT MALAYSIA *DI KLGCC PADA 24 JULAI 2014*

Dari kiri: Ketua Pegawai Eksekutif, Dato' Hamzah Mohd Salleh, YBhg Brig. Jeneral Dato' Hj. Abdul Khalid Hamzah dan Pengurus Kanan Khidmat Pengurusan Pelanggan, Shaheeran Jalalludin.

Eksekutif Akaun, Syamsul Imran Aminuddin (kiri) dan Leftenan Kolonel Aziz Mat Isa.

TEKNOLOGI BUKTI KEPADA GAYA MASA HADAPAN

XIAOMI Mi3, NILAI EKSKLUSIF YANG MAMPU DIMILIKI

Nipis, ringan, rekaan eksklusif, berkualiti dan pada harga yang mampu dimiliki! Segalanya ada pada telefon pintar terbaharu Xiaomi Mi3 ini. Berukuran 8.1 mm nipis dan berat 145 gram, memudahkan anda bergerak bebas dengannya. Skrin luas dan terang serta rangka aloi aluminium magnesium yang dilapisi tiga lapisan termal grafit memberikan gaya eksklusif kepada pengguna. Xiaomi memberikan anda satu pengalaman berbeza dengan kelajuan pemproses Snapdragon empat teras (Quad Core) 2.3GHz selain capaian mudah Internet melalui Wi-Fi dwi-band (2.4Ghz/5Ghz). Turut dimuatkan teknologi berkomunikasi jarak dekat NFC yang membolehkan pertukaran data tanpa wayar secara tepat dan selamat.

PAPAN KEKUNCI DAN PENUTUP LOGITECH ULTRATHIN, DUA FUNGSI UNTUK iPAD ANDA

Satu lagi gaya hebat dengan penampilan 'Logitech Ultrathin Keyboard Cover', papan kekunci tanpa wayar yang juga berfungsi sebagai penutup iPad anda. Dengan reka bentuk yang padat dan ringan serta butang papan kekunci standard sepenuhnya, aksesori tambahan ini sangat sesuai untuk pengguna iPad yang mahu iPad mereka boleh digunakan seperti sebuah komputer riba. Apabila ditutup, magnetik klip memastikan 'Ultrathin Keyboard Cover' menekap kemas pada skrin. Bateri papan kekunci ini juga tahan sehingga tiga bulan jika dicas sepenuhnya bagi purata kegunaan dua jam sehari.

RAKAM SAAT INDAH ANDA DENGAN KAMERA DIGITAL TANPA CERMIN SONY ALPHA 7S

Sony Alpha 7S (atau Sony α7S) direka untuk menyerlahkan rakaman video pada cahaya rendah. Kamera digital tanpa cermin ini menghasilkan imej berkualiti DSLR pada kamera kompak. Dengan pengesan bingkai penuh menggunakan rekaan lensa tanpa ruang yang unik pada 'on-chip' bagi menggandakan pengumpulan cahaya dan meningkatkan mutu gambar yang diambil. Kamera 12 megapiksel ini juga mempunyai sensitiviti sehingga ISO 409600, satu tahap yang begitu mengagumkan! Alpha 7S turut merakam video dalam resolusi 4K tetapi hanya pada alat perakam luar melalui HDMI mikro dan ianya jelas untuk rakaman dalam cahaya samar.

LG 55EA9800, TV OLED BERSKRIN LUAS PERTAMA DI DUNIA

Gaya masa hadapan dengan rekaan skrin senipis 4.3 mm melengkung OLED (Organic Light Emitting Diodes) menampilkan satu cetusan baharu televisyen berdefinisi tinggi. Dengan berat hanya 37.9 paun, LG 55EA9800 semestinya antara HDTV 55 inci yang teringan di pasaran. Berbanding LCD dan plasma, OLED memaparkan nisbah perbezaan hitam dan putih 'contrast' tanpa had dengan spektrum warna lebih luas untuk imej yang lebih tepat lagi menyerlah. Juga didatangkan bersama LG Magic Remote, alat kawalan jauh dengan pengesan pergerakan tunjuk dan klik selain cermin mata 3D, Wi-Fi, pelayar web, kamera web USB berasingan untuk perbualan video, serta akses kepada khidmat dalam talian dan aplikasi.

CABAR DIRI ANDA DENGAN 5 SUKAN EKSTREM

SUKAN ekstrem kini menjadi antara sukan yang semakin digemari segenap lapisan masyarakat. Rasa takut dan gentar kini diukur dengan kemampuan dan keberanian melakukan aktiviti yang mencabar walaupun ada kalanya ia sangat berbahaya.

Selain baik untuk kesihatan, sukan ini juga dikatakan dapat menjadi terapi minda serta menghilangkan tekanan. Malah, ia turut membina hubungan manusia dengan alam dan dapat menerapkan nilai kecintaan terhadap kehidupan semula jadi.

Berikut adalah lima jenis sukan ekstrem yang semakin popular:

1 BERKAYAK MEREDAH JERAM

Sukan rekreasi berkayak meredah jeram dengan melawan arus deras ini mula mendapat tempat di hati pencinta sukan lasak sejak pertengahan tahun 1970-an. Bagi yang baru mencuba pastinya diburu rasa takut apatah lagi melihat kederasan air dan melalui cerun sungai berbatu yang menjunam boleh membuatkan sesiapa sahaja menjerit ketakutan. Namun, perasaan itu akan berganti seronok apabila telah biasa dengan teknik mengimbang badan di atas kayak dan akhirnya menjadikan rasa ingin terus mencuba lagi dan lagi.

Di luar negara, aktiviti ini popular dilakukan di Rion Micos, Mexico; Little River Canyon di Alabama, Amerika Syarikat; Dalaman di Turki serta Fairy Glen dan Aberglaslyn Gorge di Wales, United Kingdom.



Manakala di Malaysia pula, lokasi yang terbaik adalah semasa musim hujan di Sungai Padas, Sabah; Sungai Selangor di Kuala Kubu Bahru, Selangor; Sungai Sungkai, Sungai Kampar, Sungai Singoh dan Ulu Slim River, Perak; Sungai Loh di Ulu Dungun, Terengganu; Sungai Endau, Jeram Besu dan Sungai Lipis

selain Sungai Telom di Cameron Highland dan Sungai Tembeling di Taman Negara, Pahang.

2 'BASE JUMPING'

Asalnya sukan ini dari aktiviti 'sky diving' yang mengkehendaki anda terjun menggunakan payung terjun dari atas bangunan atau jambatan yang ketinggiannya 100 meter. Satu sukan ekstrem paling mencabar dan sesuai untuk mereka yang benar-benar berani. Bagaimanapun untuk melakukannya kadangkala memerlukan permit jika ingin dilakukan dari bangunan.



Di luar negara, kebanyakan tempat popular adalah seperti Menara Eiffel, Jambatan Golden Gate, Angel Falls, Burj Khalifa dan lain-lain. Di Malaysia, Gua Damai Extreme Park di Batu Caves, Selangor adalah lokasi paling sesuai untuk aktiviti ini. Menara Kuala Lumpur dan Menara Alor Setar selain Wisma Sanyan di Sibu, Sarawak dan Menara Tun Mustapha di Kota Kinabalu, Sabah juga antara lokasi popular lain.

3 MENYELAM DI DALAM GUA

Aktiviti ini selalu dilakukan di gua yang mempunyai air yang dalam. Sukan ini agak berbahaya dengan peralatan yang digunakan sama seperti sukan menyelam lain di samping sesuai bagi mereka yang pakar dalam menggunakan teknik-teknik selaman.

Menyelam di dalam gua mendedahkan penyelam kepada hidupan flora dan fauna yang tidak dapat dilihat di tempat lain. Aktiviti ini memberikan ketenangan dan kebebasan menikmati persekitaran gua yang unik dan luar biasa serta amat mengujakan bagi pencinta alam semula jadi.

Di luar negara beberapa destinasi yang popular seperti Mount Gambier dan Blue Lake City, South Australia; Orda Cave, Rusia; Merritt's Mill Pond di Florida, Amerika Syarikat; Resurgence Du Ressel, Perancis; Tulum Cenotes, Mexico dan Alghero di Sardinia, Itali.

Di Malaysia, pastinya gua misteri Turtle Tomb berdekatan Pulau Sipadan.

> SATU SUKAN EKSTREM PALING MENCABAR DAN SESUAI UNTUK MEREKA YANG BENAR-BENAR BERANI.

4 LUNCUR GUNUNG BERAPI

'Volcano surfing' juga dikenali sebagai 'volcano boarding' menggunakan papan lapis atau papan besi. Sukan luncur ini dilakukan dengan meluncur dari atas gunung berapi atau lereng bukit. Ia dianggap mencabar dan berbahaya sekiranya tidak menggunakan peralatan atau pakaian yang selamat. Lebih-lebih lagi jika luncuran dilakukan di gunung berapi yang masih aktif.

Sukan ini dianggap masih baru walaupun sudah 10 tahun popular di negara barat. Cerro Negro atau Black Hill di Nicaragua, Amerika Tengah adalah gunung berapi yang pertama menawarkan sukan ekstrem ini.

5 MEMANJAT SOLO

Memanjat solo merupakan aktiviti memanjat perseorangan tanpa menggunakan tali dan peralatan keselamatan. Ia memerlukan kekuatan fizikal dan mental untuk menawan permukaan batu dan cerun yang mencabar bagi menguji daya ketahanan pendaki.

Aktiviti ini boleh dilakukan di mana sahaja asalkan strukturnya tepat untuk memanjat. Di Malaysia banyak tempat sesuai untuk sukan mencabar ini seperti Tembok Damai di Batu Caves, yang juga merupakan kawasan memanjat paling popular. Selain itu Bukit Takun di utara Kuala Lumpur, Gunung Mulu di Sarawak dan banyak lagi.

PEMANASAN GLOBAL

BERI IMPAK BESAR PADA KESIHATAN

PEMANASAN global merupakan fenomena berkaitan peningkatan suhu bumi secara makro akibat dari kesan rumah hijau iaitu apabila bahang matahari terperangkap oleh lapisan 'selimut karbon dioksida' yang terbentuk di ruang atmosfera.

Kajian mendapati 98% punca pemanasan global adalah disebabkan pelepasan gas karbon dioksida dari pembakaran bahan bakar fosil seperti petrol dan arang batu. Ini meningkatkan suhu lantas mengganggu iklim dunia secara mendadak dan tidak menentu.

Kesan

1. Pencemaran terjadi dari kebakaran hutan yang tercetus akibat cuaca yang terlalu panas, selain pembakaran terbuka, bahan api dan asap kenderaan yang membawa kepada pelbagai penyakit seperti asma.
2. Pemanasan melampau mengundang berbagai penyakit seterusnya meningkatkan perbelanjaan perubatan bagi menanganinya.
3. Penyakit berjangkit seperti denggi dan malaria mudah merebak.
4. Kemarau dan perubahan pola hujan mengurangkan kuantiti serta kualiti sumber air sekali gus menyusutkan hasil tanaman dan ternakan.
5. Banjir yang menjadi-jadi akibat gejala cuaca ekstrem meningkatkan risiko pencemaran air minuman serta penyebaran penyakit malah, turut memaksa kepada pemindahan penduduk.
6. Perubahan iklim melampau turut melanda Amerika Syarikat pada 2011, melibatkan kecelakaan kepada masyarakat dan kesihatan.



Jenis Penyakit Yang Sering Dialami Dan Cara Mencegahnya

Cirit Birit

Lazim dipengaruhi oleh penyebaran berbagai mikroorganisma penyebar penyakit antaranya kriptosporodium, giardia dan e. coli.

Cara mencegah:

- Cuci tangan dan kaki setiap kali sebelum masuk ke rumah. Risiko terkena kotoran atau kuman semasa berada di luar adalah tinggi.
- Sediakan alas kaki di pintu hadapan dan dapur bagi mencegah penyebaran kotoran atau parasit yang boleh memasuki kulit.
- Jangan beli makanan di tempat yang mempunyai tahap kebersihan yang rendah.
- Minum air yang sudah dimasak sepenuhnya.

Demam Denggi Berdarah dan Malaria

Nyamuk membiak lebih mudah dalam cuaca lembap dan hangat terutamanya jenis aedes aegypti dan anopheles yang merupakan penyebar virus denggi dan parasit malaria.

Cara mencegah:

- Tidur dalam kelambu.
- Sembur kediaman dengan semburan nyamuk sejam sebelum tidur.
- Sapukan krim pencegah gigitan nyamuk.

- Bersihkan bekas-bekas takungan air.
- Jangan biarkan sekitar rumah ditumbuhi lalang dan semak samun.
- Taburkan ubat pembunuh larva dalam bekas pasu bunga, kolam air dan sebagainya.
- Pelihara ikan untuk membunuh larva nyamuk.
- Pastikan tiada kain bergantungan di rumah.

Kanser Kulit

Pemanasan global merosakkan lapisan ozon seterusnya meningkatkan kes kejadian kanser kulit.

Cara mencegah:

- Sapukan krim atau losyen pelindung matahari (SPF) pada wajah, telinga, badan dan kaki sebelum keluar rumah.
- Pilih krim SPF 15 untuk jangka yang pendek atau SPF 30 yang lebih kuat jika anda keluar bagi tempoh yang panjang.

Penyakit Paru Obstruktif Kronik

Pencemaran udara akibat cuaca yang tidak stabil boleh menyebabkan gangguan pernafasan seperti asma dan lebih teruk lagi penyakit paru obstruktif kronik. Asap turut membawa racun dioksin yang boleh mengakibatkan kanser paru-paru.

Cara mencegah:

- Pakai topeng penutup hidung dan mulut.
- Elakkan dari berada di luar rumah terlalu lama.
- Sekiranya anda adalah penghidap penyakit paru obstruktif kronik, elakkan dari terkena influenza atau pneumonia yang boleh memburukkan lagi kesihatan.
- Dapatkan vaksinasi influenza setiap tahun dan vaksinasi pneumokokus setiap enam tahun.



> NYAMUK MEMBIAK LEBIH MUDAH DALAM CUACA LEMBAP DAN HANGAT TERUTAMANYA JENIS AEDES AEGYPTI DAN ANOPHELES.

Simbol

BERCHAM - BERCHAM MOTORS SDN BHD

WAKIL SERVIS SAH PROTON EDAR

BERCHAM MOTORS SDN BHD

14, 15, & 16, PERSIARAN BERCHAM
SELATAN 20
31400 BERCHAM
TEL: 05-5461326 / 05-5462528
FAKS: 05-5462525

JURUTEKNIK: 4 ORANG
PETAK SERVIS: 4 UNIT

IPOH - PUSAT SERVIS & ALAT GANTI PROTON EDAR

CAWANGAN PROTON EDAR

PUSAT SERVIS & ALAT GANTI PROTON EDAR (IPOH)

LOT 3893,JALAN TUANKU
ABDUL RAHMAN
30010 IPOH
TEL: 05-5060380 / 05-5064568
FAKS: 05-5062670

JURUTEKNIK: 14 ORANG
PENASIHAT SERVIS: 4 ORANG
PETAK SERVIS: 27 UNIT

KUANTAN - HOI KEEN AUTO SPRAY SDN BHD

WAKIL SERVIS SAH PROTON EDAR

HOI KEEN AUTO SPRAY SDN BHD

A-551 PADANG LALANG
25050 KUANTAN
TEL: 09-5161898/019-9863898
FAKS: 09-5165898

JURUTEKNIK: 9 ORANG
PETAK SERVIS: 9 UNIT

**Sila layari www.spanco.com.my untuk senarai lengkap Pusat Servis Diiktiraf (PSD) di seluruh Malaysia.*

PELANTIKAN BARU - SMOOTH FORTUNE MOTOR SDN BHD

SMOOTH FORTUNE MOTOR SDN BHD

LOT 79 LOK KAWI INDUSTRIES ESTATE
KM 19 JALAN PENAMPANG/PAPAR LAMA
89608 KINARUT
KOTA KINABALU
SABAH
TEL: 088-750299
FAKS: 088-750399

JURUTEKNIK: 2 ORANG
PEMBAIK PULIH PANEL B&P: 3 ORANG
SEMBUR CAT: 4 ORANG

PELANTIKAN BARU - DIT SOON HENG AUTO SERVICES SDN BHD



DIT SOON HENG AUTO SERVICES SDN BHD

PT 79 & 80 KAWASAN INDUSTRI GUA MUSANG
18300 GUA MUSANG
KELANTAN
TEL: 09-9126333
FAKS: 09-9120333

SEMBUR CAT: 3 ORANG
KETUK PANEL: 4 ORANG
MEKANIK: 2 ORANG
PETAK SERVIS: 1 UNIT
PETAK MENGEMPELAS: 2 UNIT
PETAK KETUK PANEL: 4 UNIT
PETAK BAIK PULIH MEKANIKAL: 6 UNIT



Tiada gunanya kalau tidak diikat ketat.

Ikat Topi Keledar Anda.
Anda Mampu Mengubahnya.

Ramai penunggang motosikal merasakan bahawa dengan hanya memakai topi keledar sahaja sudah mencukupi tetapi topi keledar yang tidak berikat akan tercabut jika berlaku kemalangan. Memakai topi keledar tanpa ikatan samalah seperti tidak memakainya. Sentiasa ikat topi keledar kerana ia boleh menyelamatkan nyawa anda.
Layari **www.jkjr.gov.my** untuk mengetahui lebih lanjut.

JKJR
JABATAN KESELAMATAN JALAN RAYA MALAYSIA

MINISTRY OF TRANSPORT
MOT